

Hilang minat punca 19,179 guru bersara awal sejak 2022

Kementerian Pendidikan (KPM) merekodkan 19,179 guru sekolah menengah dan rendah memilih bersara awal sejak 2022 hingga Mei tahun ini, kebanyakan memberi alasan tidak lagi berminat sebagai pendidik.

Berdasarkan data, 5,306 guru bersara awal pada 2022, manakala 2023 seramai 6,394, 2024 (5,082) dan Mei 2025 (2,397).

Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh, berkata 67.44 peratus guru memberikan alasan tidak lagi berminat.

Beliau berkata, 17.43 peratus lagi memberikan alasan masalah keluarga, 7.69 peratus mengalami masalah kesihatan, 5.3 peratus berpunca beban kerja dan 2.08 peratus lagi masalah peribadi.

“KPM sentiasa komited dalam menangani isu kekurangan tenaga pengajar, di samping memastikan kesejahteraan guru terus terpelihara.

Dua kali setahun

“Justeru, KPM melaksanakan pengambilan guru tetap sebanyak dua kali setahun, manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) membuka sistem permohonan guru sepanjang tahun bagi mempercepat pengambilan dan penempatan guru,” katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) mengenai jumlah guru memilih untuk bersara awal bagi 2022 hingga 2024 dan langkah KPM menangani isu kekurangan guru.

Mengulas lanjut, Kah Woh berkata, antara langkah dilaksanakan KPM

bagi menangani isu kekurangan guru termasuk membuat penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) sejak 2021.

Selain itu, katanya, KPM membangunkan dokumen Deskripsi Tugas (JD) sejak 2016 yang menjelaskan akauntabiliti tugas secara spesifik serta dapat membantu guru dalam melaksanakan tugas dengan lebih efektif.

Beliau berkata, KPM turut melantik pengawas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan bukan guru bagi mengurangkan beban pendidik di sekolah.

Bagaimanapun, katanya, sasaran 20 peratus untuk melantik pengawas peperiksaan dalam kalangan bukan guru belum tercapai.